

31 JAN 1996

Megat - Pendarang

PENDATANG TANPA IZIN INDONESIA DIBENAR PULANG UNTUK BERHARI RAYA

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Warganegara Indonesia yang datang secara haram atau secara sah tetapi tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan di negara ini akan diberi kebenaran pulang ke negara mereka untuk menyambut Hari Raya dengan beberapa syarat tertentu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob berkata syarat yang dikenakan ialah mereka perlu mendapatkan Sijil Perjalanan Laksana Pasport daripada Kedutaan Indonesia, berurusan sendiri dengan Jabatan Imigresen dan tidak menggunakan ejen, cap jari mereka diambil selain dikenakan kompaun kerana tinggal melebihi tempoh yang ditetapkan.

"Kabinet telah memberikan kelulusan untuk kementerian membenarkan mereka pulang berhari raya bersama keluarga di Indonesia melalui saluran yang sah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, malam ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Samsuri Arshad.

Beliau enggan memberitahu jumlah kompaun yang akan dikenakan tetapi berkata ia akan berdasarkan perikemanusiaan. Jumlah maksimum kompaun kerana kesalahan tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan di negara ini ialah RM3,000.

Megat Junid berkata Jabatan Imigresen telah bersedia untuk menguruskan permohonan warganegara Indonesia yang tampil untuk pulang berhari raya secara sah.

Terdapat antara 40,000 dan 50,000 pendarang tanpa izin Indonesia berada di negara ini termasuk mereka yang tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan.

Megat Junid berkata cadangan untuk menghantar mereka pulang dikemukakan oleh Jabatan Imigresen bagi memberi peluang kepada mereka pulang berhari raya secara sah dan selamat.

Katanya kerajaan telah memberikan cadangan dan jika mereka masih enggan menyerah dan tetap ingin pulang secara haram bukan lagi tanggungjawab kerajaan jika mereka terbabit dalam nahas seperti kapal karam.

Mengenai pengwujudan Jabatan Antidadah yang akan bertanggungjawab dalam semua hal berkaitan masalah dadah di negara ini, beliau berkata kementerian kini menunggu keputusan daripada Perdana Menteri.

Kertas cadangan penubuhan jabatan itu telah diserahkan kepada Perdana Menteri petang tadi dan dijangka dibincangkan oleh Kabinet pada minggu depan, katanya.

Melalui kertas cadangan itu, jabatan itu akan mempunyai seorang ketua pengarah, timbalan ketua pengarah yang akan menyelia Cawangan Anti Dadah yang mengandungi bahagian rawatan dan pemulihan, pengurusan dan pembangunan serta pendidikan dan pencegahan.

Megat Junid berkata jabatan baru itu akan diletakkan di bawah Majlis Anti Dadah yang dipengeruskannya dan bermesyuarat setiap bulan untuk memastikan keberkesanan jabatan itu.

Beliau berkata Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah meluluskan 300 jawatan untuk diisi bagi cawangan anti dadah, bagaimanapun sehingga kini ia belum diisi.

Mengenai jumlah peruntukan bagi mengendalikan jabatan itu, Megat Junid berkata anggaran jumlah perbelanjaan yang diperlukan ialah sebanyak RM130 juta setahun.

Pada masa ini pusat rawatan pemulihan membelanjakan RM42 juta setahun

untuk 10,000 pelatih dan melalui operasi baru itu pusat itu dijangka mengendalikan hampir 30,000 penagih. -- BERNAMA